

Pelajar terpilih seluruh negara

50 orang diterima sebagai kumpulan sulung mendaftar di Kolej Permata Insan Usim

■ NUR SHARIEZA ISMAIL

NILAI - Pusat Permata Insan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menerima kumpulan sulung seramai 50 orang pelajar berusia 13 tahun yang akan mengikuti pengajian peringkat menengah asas 1 atau tingkatan 1 di Kolej Permata Insan Usim, di sini.

Kumpulan pertama yang mendaftar terdiri daripada 30 pelajar lelaki dan 20 perempuan itu merupakan pelajar terpilih dari seluruh negara.

Pengarah Pusat Permata Insan, Prof. Datuk Dr Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim berkata, matlamat penubuhan Permata Insan hasil kesinambungan program Permata adalah untuk menajana cendekiawan Islam dalam kalangan anak-anak Islam yang boleh dibanggakan.

"Kita bersetuju dengan pandangan pakar-pakar rujuk bahawa untuk menajana anak-anak ini, ia haruslah dimulakan seawal usia 8 tahun yang mana pada peringkat ini anak-anak sudah boleh membaca, serta mampu menunjukkan kebolehan dan perkembangan positif dari segi pergaulan dengan persekitaran rakan-ra-



Pelajar bersama Mizan Adiliah (duduk, kanan) dan Musa (duduk, dua kanan) selepas menerima kemasukan 50 pelajar Kolej Permata Insan Usim, semalam.

ka sebaya.

"Jadi, tanggungjawab ini merupakan satu amanah dan cabaran Pusat Permata Insan untuk berusaha dibangunkan dari peringkat awal melalui perbincangan dengan pakar-pakar rujuk, mengikuti seminar dan bengkel serta lawatan kerja ke luar negara untuk mendalami modul-modul sehinggalah kini Pusat Permata Insan berdiri sendiri dengan modulnya tersendiri," katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media di Kolej Permata Insan di Usim, di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor Usim, Prof. Dato Dr Musa Ahmad dan Pengetua Kolej Permata Insan, Wan Zakry Wan Kamaruddin.

Mizan Adiliah berkata, program Permata Insan telah menyediakan modul Permata Insan sebagai asas pengajaran dan pembelajaran.

"Ia terdiri daripada empat modul iaitu modul pintar al-Quran dan Sunnah, modul

Bahasa Arab, Bahasa Inggeris serta Pembangunan Insan.

"70 peratus aktiviti akademik Permata Insan ini nanti pula akan difokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak pintar.

"Manakala 30 peratus akan ditumpukan kepada aktiviti penyelidikan dan inovasi bagi mengukuhkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak pintar," katanya.

Sementara itu, Musa berkata, pembinaan fasa pertama Kompleks Kolej Permata Insan

yang menempatkan blok pentadbiran, blok pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan kemudahan asrama serta dewan makan dengan kos sebanyak RM21 juta telah pun siap dan bersedia untuk digunakan kumpulan pertama ini.

"Bagaimanapun, kita sasarkan Kompleks Kolej Permata Insan di atas tanah seluas 12 ekar ini yang mampu menampung seramai 500 orang pelajar akan dapat siap keseluruhannya sekurang-kurangnya hujung tahun ini," katanya.

REAKSI



"Saya telah menerima surat kemasukan ke Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) terlebih dahulu. Tetapi melihat kepada kolej ini sesuai dengan ilmu berlandaskan naqli dan aqli, saya tukar fikiran dan memilih meneruskan pengajian di sini." - Irfan Izani Shuhaimi, 13, bekas pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Perlin 3, Johor



"Saya sangat teruja apabila menjadi 50 pelajar yang terpilih di Kolej Permata Insan. Saya akan cuba menyesuaikan diri apabila menuturi di kolej ini walaupun punya perasaan gemuruh." - Hasya Amalia Adnan, 13, bekas pelajar Sekolah Kebangsaan Padang Berampah, Sipitang, Sabah